



NIOSH CERTIFICATION SDN BHD (641222-K)
(A wholly owned subsidiary of NIOSH, Ministry of Human Resources)
7th Floor, NIOSH Tower
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15
43650 Bandar Baru Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 - 8922 1925
Faks : 03 - 8926 7682
www.nioshcet.com.my

Ruj. : **NCSB/MSC/207/SPOCK3/19/STKC**
Date : **15 Julai 2019**
U.P : **Semua pihak yang berkepentingan**

Tuan / Puan,

UNDANGAN MEMBERI MAKLUMBALAS TERHADAP PENSIJILAN MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) KEPADA SUSTAINABLE PALM OIL CLUSTER KULIM (K3)

NIOSH Certification merupakan badan pensijilan yang menjalankan aktiviti audit bagi pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) Standard MS 2530-2:2013 terhadap **Sustainable Palm Oil Cluster Kulim (K3)**, Kedah yang terdiri daripada 335 pekebun kecil yang berdaftar.

Pensijilan MSPO merupakan satu pengiktirafan pengeluaran minyak sawit mampan yang memberi faedah terhadap industri iminyak sawit di Malaysia. Elemen yang ditekankan meliputi aspek – aspek berikut:

- a. Pematuhan perundangan
- b. Perlindungan alam sekitar
- c. Pemuliharaan biodiversiti
- d. Tanggungjawab dan komitmen pihak pengurusan
- e. Tanggungjawab sosial, keselamatan dan kesihatan pekerjaan
- f. Pembangunan komuniti setempat

Bagimemenuhi proses pensijilan, audit pematuhan akan dilaksanakan ke atas SPOC K3 pada **28 sehingga 29 Julai 2019**. Oleh itu, NIOSH Certification menjemput semua pihak berkepentingan terhadap SPOC K3 yang terdiri daripada agensi dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, pekerja - pekerja, pemimpin masyarakat dan masyarakat setempat untuk memberi sebarang maklumbalas atau komen bertulis terhadap aktiviti SPOC K3 berdasarkan aspek di atas.

Maklumbalas dan komen daripada pihak tuan/puan boleh disalurkan pada sesi audit pematuhan yang dijadualkan pada 28 sehingga 29 Julai 2019 atau melalui surat / emel ke khairul.faris@nioshcet.com.my dan faks di talian 03 – 8926 7682. Semua maklumbalas dan komen yang diterima akan dipertimbangkan dan dibincangkan bersama pihak SPOC K3 semasa sesi audit agar memberi impak positif terhadap pensijilan MSPO organisasi tersebut. Untuk makluman, segala butiran yang diberikan adalah sulit dan akan dirahsiakan. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

ASIAH NASUTION SUHAIMI
Pengurus Pensijilan



MS ISO/IEC 17021:2015
OSH 29032011 CB04



MS ISO/IEC 17021:2015
EMS 03122013 CB10
QS 29012017 CB17
FSMS 04122016 CB07

